



**SYARAT-SYARAT PELAN SANITARI DALAMAN.**

1. Kerja pemasangan tandas tidak dibenarkan bermula sebelum pelan pemasangan tandas dalaman diluluskan.
2. Pelan pemasangan tandas dalaman perlu ditunjukkan pelan kunci, pelan lokasi, 'sewer reticulation layout plan' menunjukkan penyambungan ke paip pembedungan, pemasangan tandas dalaman, butiran perangkap gegeluk/ perangkap lantai/ perangkap besen/ lurang dalaman, sewer bedding plan VCP dan lain-lain paip yang berkaitan.
3. Kedudukan alatan kebersihan perlu sama dengan pelan bangunan yang diluluskan.
4. Catitkan no.pelan dan tarikh kelulusan pelan bangunan dan pelan susunatur atas pelan.
5. Gunakan warna berbeza untuk saiz dan jenis paip yang digunakan.
6. Tunjukkan butiran water closet, urinal, besen, sink dapur, paip pengudaraan dan paip-paip berkaitan.
7. Pintu pemeriksaan ( inspection eye ) perlu disediakan untuk semua bahagian siku dan persimpangan paip. Ia juga perlu disediakan sekurang-kurangnya 100 mm / 150 mm dari paras lantai sebelum paip disambung ke bawah tanah untuk tujuan penyelenggaraan.
8. Bahagian paip dari tingkat atas yang dapat dilihat pada paras siling ruang tamu, ruang makan, dapur atau bilik tidur perlu ditutup dari penglihatan (boxed up) dan disediakan pintu pemeriksaan ( inspection door ).
9. Semua paip sullage hendaklah dipasang mengikut gradian 1:55
10. Pada pelan tingkat bawah, paip air sullage hendaklah disambungkan ke perangkap gegeluk sebelum disambungkan ke lurang rumah.
11. Semua paip air sullage yang dipasang di bawah struktur bangunan, dinding dan sebagainya hendaklah menggunakan 'heavy duty cast iron pipes ' atau VCP yang dibaluti konkrit dan berukuran 150mm  $\varnothing$  .
12. Paip najis 100mm  $\varnothing$  hendaklah menggunakan VCP atau paip berkaitan yang diluluskan oleh SIRIM.
13. Hanya paip jenis UPVC dan polypropylane yang diluluskan sahaja dibenarkan untuk dipasang dalam bangunan tertakluk kepada peraturan berikut :
  - a. Untuk paip yang melebihi 2"  $\varnothing$  digunakan pada paras lantai sahaja.
  - b. Pada lokasi yang tidak terdedah kepada cahaya matahari.
    - i. Pemasangannya mengikut kesesuaian yang diperuntukkan oleh pengeluar.
14. Semua pembinaan lurang hendaklah menggunakan batu-bata 'clay'.
15. Paip balong ( ventilation pipes ) di atas permukaan bumbung yang terdedah kepada cahaya matahari hendaklah jenis 'cast iron'.



16. Untuk bangunan yang melebihi 2 hingga 10 tingkat dimana strata title diperlukan dan bangunan milik sendiri melebihi 5 hingga 10 tingkat, air sewage dan sullage dari tingkat bawah dan paip di tingkat atas hendaklah disambungkan ke lurang secara berasingan. Lurang perlu disediakan pada kawasan awam.
17. Semua peralatan sistem simbah ( single / dual flush ) yang dipasang di setiap tandas dalaman ( w.c. ) hendaklah menggunakan kuantiti air tidak melebihi 6 liter.
18. Sediakan lukisan 'schematic' pemasangan paip.
19. Sediakan paip 'anti-syphonage' untuk sistem sanitari dimana lebih dari satu w.c disambung selari pada satu paip pengudaraan yang sama.
20. Untuk bangunan yang melebihi 5 tingkat, pemasangan paip 'anti-syphonage' hendaklah disediakan.
21. Jurutera Perunding dikehendaki menyediakan 2 buku catitan di tapak pembinaan dan memeriksa/mengesahkan setiap kerja yang dijalankan sebelum pemeriksaan berikutnya oleh pegawai teknikal Jabatan Bangunan MPSP. Kerja paip yang siap dipasang tidak boleh dikambus sehingga pemeriksaan dibuat oleh pegawai teknikal Jabatan Bangunan.
22. Jurutera Perunding dikehendaki memberitahu Jabatan ini dengan bertulis 4 hari sebelum kerja-kerja pembinaan dijalankan.
23. Jurutera Perunding dikehendaki mengesahkan bahawa kerja-kerja telah siap melalui Borang G.
24. Semua peralatan kebersihan yang dipasang hendaklah mengikut spesifikasi pelan berlulus, perlu diuji dan dibersihkan sebelum permohonan Sijil Kelayakan Menduduki.
25. Pemasangan/Penyambungan paip-paip pembedung dari bangunan ke lurang pembedung awam hendaklah dijalankan di bawah penyeliaan/pengawasan Jabatan Perkhidmatan Pembedung.
26. Kebenaran daripada Jabatan Kejuruteraan MPSP/JKR hendaklah diperolehi sebelum sebarang kerja jalan/lorong sedia ada dikorek untuk kerja penanaman paip.
27. Jurutera Perunding perlu menandatangani dan cop pada setiap pindaan yang dibuat.
28. Kembalikan 3 set pelan pemasangan tandas kepada Jabatan Bangunan setelah pindaan ditunaikan.